

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 14.10.2019 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab/Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbengkalai akan dimulakan kerana belum ada tanda-tanda untuk membuat "retender" bagi kali ke-3 dan jalan tersebut sudah lama terbiar begitu sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2010 dengan kos projek berjumlah RM3.49 juta. Skop projek ini adalah membina jalan sepanjang 5.85km spesifikasi JKR R3.

2. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku agensi pelaksana projek ini melalui surat bertarikh 17 Januari 2019 telah menamatkan kontrak bagi Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) memandangkan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek tersebut sebagaimana yang dijadualkan. Pada masa ini status fizikal projek adalah 68.5% sebenar berbanding 100% jadual.

3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek ini akan dilaksanakan secara arahan perubahan kerja (*Variation Order*) dengan Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai, Limbang (Fasa 4). Pada masa kini, Kementerian sedang dalam proses bagi menyediakan kertas arahan Perubahan Kerja sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan selanjutnya.

4. Kerja-kerja penyiapan Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) ini dijangka akan dapat dimulakan pada bulan Februari 2020 dan jangka siap pada bulan Ogos 2020 dengan anggaran kos penyiapan sebanyak RM2.5 juta.

Sekian, terima kasih.